

BAB EMPAT : ANALISIS DATA

A. Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau perlaksanaan pengajaran tilawah al-Quran sebagai salah satu komponen di dalam mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS). Kajian ini dijalankan berikutan dapatkan kajian-kajian yang terdahulu telah mendedahkan tahap penguasaan yang kurang memuaskan pelajar terhadap kemahiran mereka untuk membaca al-Quran (Maimunah Ismail, 1995; Ilias Embong, 2003; Muhamad Endut, 1992, Mohd. Yusuf Ahmad, 1997; Madihah Haji Mohamad, 1992, Nor Azizah Siron, 2003). Justeru itu, kajian dijalankan bagi mendapatkan gambaran sebenar tentang perlaksanaan pengajaran komponen ini dalam aktiviti pengajaran guru di dalam kelas.

Data untuk kajian ini diperolehi hasil daripada kajian tinjauan (survey method) dengan menggunakan soal selidik (questionnaire) yang telah melalui ujian rintis terlebih dahulu bagi menentukan nilai kebolehpercayaannya dengan menggunakan ujian Cronbach Alpha. Bagi menguatkan dapanan daripada borang soal selidik ini, pengkaji turut menjalani beberapa sesi temuramah dengan guru-guru yang terpilih bagi mewakili keseluruhan responden kajian ini.

Tinjaun kajian adalah berbentuk deskriptif dan inferensi. Kajian bukan sahaja bertujuan untuk memerihalkan ciri-ciri yang terdapat dalam sampel, tetapi turut cuba

untuk menjelaskan beberapa perhubungan yang mungkin wujud antara pembolehubah-pembolehubah (variables) yang dikaji.

Pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian ini terbahagi kepada dua; bersandar (dependant) dan tidak bersandar (independent). Pembolehubah tidak bersandar yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- i. Latar belakang demografik : faktor jantina, usia dan tahap pendidikan;
- ii. Latar belakang profesionalisma : latihan ikhtisas perguruan, pengalaman mengajar, pengalaman mengajar PQS dan tahap penguasaan membaca al-Quran.

Bagi pembolehubah-pembolehubah ini, proses pemerihalan responden akan dijalankan dengan mencari min, mod dan peratusan hasil daripada data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan.

Pembolehubah bersandar dalam kajian ini pula ialah pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan aspek-aspek perlaksanaan pengajaran komponen ini dalam mata pelajaran PQS. Ia merangkumi aspek-aspek berikut;

- i. Perlaksanaan pengajaran tilawah al-Quran dalam mata pelajaran PQS : sama ada diperuntukkan atau tidak dan kekerapan pengajaran;
- ii. Kaedah-kaedah yang digunakan dan yang paling kerap digunakan;
- iii. Sebab-sebab pengajaran ini tidak dilaksanakan oleh guru;

- iv. Cadangan-cadangan bagi meningkatkan lagi kualiti pengajaran kemahiran ini;
- v. Persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran ini kepada murid mereka;

Bagi menjelaskan pembolehubah-pembolehubah ini, peratusan dan min yang mewakili setiap pembolehubah berkenaan akan dicari terlebih dahulu. Kemudian, perhubungannya dengan pembolehubah tidak bersandar dan perbezaan yang wujud akan diuji dengan menggunakan Ujian Bebas ‘T’ dan Ujian Sampel Bebas Khi Kuasa Dua bagi mendapatkan nilai perhubungan dan perbezaannya. Nilai alpha (α) bagi kebarangkalian (p) adalah ditetapkan pada $\alpha = 0.05$.

B. Pemerihalan Data

Proses pemerihalan data digunakan bagi memberikan gambaran tentang ciri dan atribut yang terdapat dalam data dan responden kajian atau sampel. Bagi tujuan ini, pemerosesan bertumpu kepada pencarian min, mod dan peratusan serta sisihan piawai bagi data yang telah dikumpulkan.

Latar Belakang Demografik

1. Jantina

Sebahagian besar responden kajian ini terdiri daripada guru perempuan yang mewakili 67.4 peratus (31 orang) daripada jumlah keseluruhan responden. Responden lelaki pula hanya mewakili oleh 32.6 peratus atau 15 orang responden daripada sejumlah 46 orang responden kesemuanya.

2. Umur

Umur responden kajian ini secara amnya tertumpu dalam lingkungan antara 26 hingga ke 45 tahun, dengan lingkungan umur 26 hingga 30 tahun mencatat peratusan tertinggi (26.1 peratus atau 12 orang). Seramai 8 orang responden berumur di sekitar 31 hingga 35 tahun (17.4 peratus), 5 orang responden berumur di sekitar 36 hingga 40 tahun (10.9 peratus) dan 7 orang responden berumur di sekitar 41 hingga 45 tahun (15.2 peratus).

Peratusan terendah pula diwakili oleh responden yang berumur 46 tahun ke atas dengan 4.3 peratus (2 orang) dan responden yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 25 tahun dengan 8.7 peratus (4 orang).

3. Tahap pendidikan dan pengkhususan

Kelulusan tertinggi yang diperolehi oleh responden kajian ini adalah pendidikan di peringkat kedoktoran, walaupun ia diwakili oleh seorang responden sahaja (2.2 peratus). Kelulusan akademik di peringkat sarjana pula diwakili oleh 6.5 peratus (3 orang) responden. Majoriti responden adalah berkelulusan sarjana muda dengan 78.3 peratus atau 36 orang responden.

Responden yang hanya menamatkan pengajian di peringkat diploma pula mewakili 10.9 peratus (5 orang) dan hanya seorang responden sahaja yang berkelulusan di peringkat sijil (2.2 peratus).

Daripada sejumlah 46 orang responden, sebahagian besar responden (91.3 peratus atau 42 orang) merupakan lulusan yang telah mengkhususkan pengajian mereka dalam bidang Pengajian Islam. Pengajian Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini meliputi bidang-bidang Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam yang diambil oleh responden dalam program pengajian mereka di peringkat kedoktoran, sarjana, sarjana muda, diploma dan sijil. Hanya 3 orang responden (6.5 peratus) merupakan lulusan di bidang Bahasa Arab dan 1 orang (2.2) dalam bidang akademik yang lain. Jadual berikut menjelaskan kekerapan dan peratusan bagi tiga faktor latar belakang demografik yang telah dinyatakan.

Faktor Demografi	Perincian Faktor Demografi	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan
1. Jantina	Lelaki	15	32.6
	Perempuan	31	67.4
	Jumlah	46	100.0
2. Umur	21 – 25 tahun	4	8.7
	26 – 30 tahun	12	26.1
	31 – 35 tahun	8	17.4
	36 – 40 tahun	5	10.9
	41 – 45 tahun	7	15.2
	Atas 46 tahun	2	4.3
3. Tahap pendidikan	Jumlah	38	82.6
	Doktor falsafah	1	4.3
4. Pengkhususan	Sarjana	3	6.5
	Sarjana Muda	36	78.3
	Diploma	5	10.9
	Sijil	1	2.2
	Jumlah	46	100.0
Pengkhususan	Pengajian Islam	42	91.3
	Bahasa Arab	3	6.5
	Bidang akademik lain	1	2.2
Jumlah		46	100.0

Jadual 2: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Kajian Mengikut Faktor Demografik

Latar Belakang Profesionalisma

4. Kelulusan ikhtisas

Kelulusan ikhtisas profesyen keguruan responden pula dibahagikan kepada empat kategori; a) kursus perguruan lepasan ijazah (KPLI), b) kursus perguruan di peringkat diploma anjuran maktab perguruan, c) kursus perguruan peringkat sijil dan d) responden yang sedang mengikuti kursus perguruan dalam cuti (KDC) anjuran maktab perguruan.

Dapatan kajian menunjukkan hampir separuh daripada jumlah keseluruhan responden (19 orang atau 41.3 peratus) telah mendapat kelulusan ikhtisas perguruan daripada program KPLI. 4 orang daripada responden (8.7 peratus) pula telah mendapat diploma perguruan mereka daripada maktab perguruan, 6 orang responden (13.0 peratus) berkelulusan sijil perguruan dan 6 orang responden lagi (13.0 peratus) sedang mengikuti program KDC. Baki responden seramai 9 orang (19.6 peratus) pula tidak mempunyai sebarang latihan dan kelulusan khusus dalam profesyen perguruan.

5. Pengalaman mengajar

Hampir separuh daripada responden (20 orang atau 43.5 peratus) menyatakan bahawa mereka telah berpengalaman mengajar lebih daripada 9 tahun. 26.1 peratus responden pula (12 orang) hanya mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 3 tahun sahaja. 7 orang responden (15.2 peratus) pula mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 9 tahun, 4 orang responden (8.7 peratus) mempunyai pengalaman mengajar antara 4 hingga 6 tahun dan 2 orang responden (4.4 peratus) berpengalaman

kurang daripada 1 tahun mengajar. Baki seorang responden (2.2 peratus) tidak menyatakan pengalaman mengajarnya.

6. Pengalaman mengajar PQS

Walaupun pengalaman responden mengajar mata pelajaran ini tersebar dengan agak rata antara tempoh kurang 1 tahun mengajar, 1 hingga 3 tahun dan 6 hingga 9 tahun, jumlah responden yang berpengalaman mengajar mata pelajaran ini kurang daripada 1 tahun mewakili jumlah tertinggi dengan 15 orang responden (32.6 peratus). Ia diikuti oleh responden yang mempunyai pengalaman antara 1 hingga 3 tahun (12 orang atau 26.1 peratus) dan responden yang mempunyai pengalaman antara 6 hingga 9 tahun (10 orang atau 21.7 peratus).

Responden yang mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran ini melebihi 9 tahun dan yang berpengalaman antara 4 hingga 6 tahun, masing-masing mewakili 8.7 peratus (4 orang) daripada jumlah keseluruhan responden. Seorang responden bagaimanapun, tidak menyatakan tempoh pengalamannya mengajar mata pelajaran ini.

7. Tahap penguasaan kemahiran membaca al-Quran

Menurut Suradi Salim (1989), Lee (1993) dan Shahrir et. al (1992), keupayaan guru untuk menguasai kemahiran yang hendak diajar merupakan aspek yang penting dalam mengukur tahap profesionalisma, kejayaan dan ciri kualiti seseorang guru. Dalam aspek pembacaan al-Quran, penguasaan guru menjadi amat penting dalam usahanya

untuk memberikan contoh bacaan dan sebutan *makhraj* yang betul bagi ikutan pelajar (Hassan Mahmud, 1987; H. Dachlan Salim, 2000; Ismail Awang, 1987).

Kekangan waktu, tempat dan tugas guru menyebabkan pengkaji tidak dapat menguji tahap penguasaan setiap orang guru dalam pembacaan sebenar mereka. Dalam borang soal selidik yang diedarkan, guru diminta untuk menilai sendiri keupayaan mereka membaca al-Quran dalam lima tahap; sangat mahir, mahir, sederhana, lemah dan amat lemah.

Tahap ‘sangat mahir’ dalam kajian ini merujuk kepada keupayaan guru untuk menguasai hukum tajwid dan makhraj huruf sepenuhnya, membaca dengan fasih dan tarannum asas dalam pembacaan al-Quran. Tahap ‘mahir’ pula merujuk kepada kemahiran guru untuk mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf yang perlu dalam pembacaan al-Quran. Selain itu, guru juga mampu membaca dengan agak fasih dan lancar.

Tahap ‘sederhana’ memerlukan guru untuk turut mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf. Walaupun demikian, guru dalam tahap ini akan berdepan dengan sedikit bermasalah dalam mengaplikasikan beberapa hukum tajwid dan makhraj dalam bacaan mereka. Tahap ‘lemah’ dalam bacaan pula menggambarkan kaupayaan guru untuk hanya mengetahui sebahagian hukum tajwid dan makhraj huruf dengan betul. Guru-guru di tahap ini agak bermasalah untuk mengaplikasikan pengetahuan hukum tajwid dalam bacaan mereka. Bacaan mereka juga agak tersekat-sekat. Tahap ‘amat lemah’ pula

merujuk kepada guru yang sering terpaksa untuk mendapatkan bantuan untuk mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf sama ada kepada kitab-kitab tajwid, bacaan atau rakan sejawat.

Sesuai dengan jawatan dan tuntutan profesional mereka sebagai guru yang berupaya untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran, kesemua responden menyatakan bahawa tahap penguasaan bacaan mereka adalah tertumpu kepada tiga tahap teratas; sangat mahir, mahir dan sederhana. Seramai 30 orang responden (65.2 peratus) menyatakan bahawa mereka mahir dalam pembacaan al-Quran, 10 orang (21.7 peratus) sederhana mahir dan baki 6 orang (13.0 peratus) pula sangat mahir dalam pembacaan mereka.

Jadual berikut menggambarkan taburan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan faktor latar belakang profesionalisma mereka.

Faktor Profesionalisma	Perincian Faktor Profesionalisma	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan
1. Kelulusan ikhtisas	KPLI	19	41.3
	Maktab Perguruan	4	8.7
	Sijil	6	13.0
	Tiada	9	19.6
	Sedang ikuti KDC	6	13.0
Jumlah		44	95.7
2. Pengalaman mengajar	Lebih 9 tahun	20	43.5
	6 – 9 tahun	7	15.2
	3 – 6 tahun	4	8.7
	1 -3 tahun	12	26.1
	Kurang 1 tahun	2	4.3
Jumlah		45	97.8

Faktor Profesionalisma	Perincian Faktor Profesionalisma	Kekerapan (f)	Peratusan
3. Pengalaman ajar PQS	Lebih 9 tahun	4	8.7
	6 – 9 tahun	10	21.7
	3 – 6 tahun	4	8.7
	1 -3 tahun	12	26.1
	Kurang 1 tahun	15	32.6
	Jumlah	45	97.8
4. Tahap penguasaan membaca al-Quran	Sangat mahir	6	13.0
	Mahir	30	65.2
	Sederhana	10	21.7
Jumlah		46	100.0

Jadual 3: Taburan Kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Faktor Latar Belakang Profesionalisma

Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Qur'an Dalam Mata Pelajaran POS

8. Peruntukan masa oleh guru

Bagi menjawab soalan ini, responden telah diminta untuk menjawab item 16, sama ada ‘Ya’ atau ‘Tidak’. Hasil dapatan menunjukkan majoriti responden (33 orang atau 71.7 peratus) mengatakan bahawa mereka ada memperuntukkan waktu bagi mengajar pelajar mereka untuk membaca al-Quran. Baki responden sebanyak 13 orang atau 28.3 peratus pula telah menyatakan sebaliknya.

9. Jumlah waktu yang diperuntukkan

Jawapan yang diberikan oleh responden bagi item ini telah terbahagi kepada 5 jawapan utama. Hampir separuh daripada responden (16 orang atau 34.8 peratus) yang mengaku telah memperuntukkan waktu untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran telah mengatakan bahawa mereka memperuntukkan 1 waktu setiap minggu untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran.

Sejumlah 7 orang responden (15.2 peratus) pula mengatakan bahawa mereka memperuntukkan 1 masa bagi setiap 2 minggu bagi tujuan yang sama kepada pelajar mereka. Enam (6) orang responden (13.0 peratus) pula hanya mengajarkan kemahiran yang serupa pada masa mereka menyentuh tajuk-tajuk dalam sukanan kefahaman ayat sahaja. Baki 3 (6.5 peratus) orang responden tidak menyatakan jumlah masa yang diperuntukkan oleh mereka dan 3 orang responden (6.5 peratus) menyatakan bahawa mereka tidak pasti terhadap jawapan kepada item tersebut.

10. Kaedah yang digunakan untuk mengajar kemahiran ini dan sebab ianya dipilih.

Bagi menjawab item ini, responden diminta untuk memilih kaedah-kaedah yang pernah mereka gunakan untuk mengajar pelajar mereka membaca al-Quran. Sebanyak 4 pilihan kaedah diberikan dan satu ruang diberikan bagi mereka menyatakan kaedah lain yang turut digunakan oleh mereka. Pilihan kaedah yang disediakan dalam soal selidik adalah seperti berikut;

- i. Kaedah di mana guru memperdengarkan bacaan contoh dan pelajar mengulangi bacaan guru secara beramai-ramai atau individu;
- ii. Kaedah di mana pelajar membaca beramai-ramai dan guru meneliti bacaan mereka secara serentak dan cuba membetulkannya;
- iii. Kaedah di mana guru menggunakan contoh bacaan beberapa orang pelajar untuk diteliti dan diperbetulkan kesilapan yang dilakukan. Pelajar lain meneliti bacaan rakan mereka dan turut mendengar teguran guru;

- iv. Kaedah di mana guru membincangkan hukum-hukum tajwid yang terdapat di dalam petikan ayat yang dikaji;
- v. Kaedah selain yang dinyatakan di atas.

Kaedah yang mendapat peratusan yang paling tinggi ialah kaedah yang ketiga (29 orang atau 63.0 peratus), diikuti dengan kaedah keempat (28 orang atau 60.9 peratus), kaedah pertama (19 orang atau 41.3 peratus) dan kaedah kedua dengan diwakili oleh 12 orang atau 26.1 peratus. Selain itu, seorang responden (2.2 peratus) menyatakan bahawa beliau turut menggunakan kaedah sistem *naqib* (pembimbing rakan sebaya) dan seorang responden (2.2 peratus) menyatakan penggunaan rakaman kaset atau cakera padat (compact disk) dalam usaha mereka untuk mengajar pelajar membaca al-Quran.

Antara kelima-lima pilihan kaedah yang disediakan oleh pengkaji, kaedah yang paling kerap digunakan oleh responden adalah kaedah ketiga (15 orang atau 32.6 peratus), diikuti oleh kaedah pertama (8 orang atau 17.4 peratus) dan kaedah keempat (7 orang atau 15.2 peratus). Kaedah kedua dipilih oleh hanya 2 orang responden yang mewakili 4.3 peratus. Seorang responden (2.2 peratus) pula memilih kaedah kelima sebagai kaedah yang paling kerap digunakannya.

Sebab yang paling banyak diberikan oleh responden bagi jawapan item 19 ini ialah kerana ia memudahkan mereka untuk mengesan dan memperbetulkan kesilapan pelajar (13 orang atau 28.3 peratus). Seramai 7 orang (15.2 peratus) memberikan sebab kerana untuk memberikan tumpuan dan bimbingan secara individu kepada pelajar, 5

orang (10.9 peratus) memberikan alasan untuk menjimatkan masa, 4 orang (8.7 peratus) menyatakan alasan kehendak peperiksaan dan 2 orang (4.3 peratus) memberikan alasan bahawa pelajar sememangnya telah menguasai kemahiran membaca al-Quran.

11. Sebab-sebab pengajaran membaca al-Quran tidak dilaksanakan

Item 20 ini memerlukan responden untuk memilih sebab-sebab mereka tidak memperuntukkan masa untuk mengajar pelajar membaca al-Quran dalam waktu rasmi pengajaran mata pelajaran ini. Sebab yang paling kerap dipilih ialah kerana telah ada waktu yang khusus untuk pengajaran membaca al-Quran kepada pelajar (14 orang atau 30.4 peratus).

Ia diikuti oleh tumpukan perhatian mereka untuk menyelesaikan sukanan terlebih dahulu (8 orang atau 17.4 peratus) dan sebab yang menyatakan bahawa pengajaran kemahiran ini tidak termasuk di dalam perancangan tahunan mereka bagi mata pelajaran ini (4 orang atau 8.7 peratus). Seorang responden (2.2 peratus) pula memilih alasan bahawa pengajaran komponen ini tidak termasuk dalam objektif mata pelajaran ini.

12. Cadangan-cadangan bagi memperbaiki pengajaran kemahiran ini

Bagi memperbaiki pengajaran komponen ini, kebanyakannya calon memilih cadangan yang pertama, keempat, ketiga dan kelima dengan masing-masing dipilih oleh 91.3 peratus responden (42 orang), 87.0 peratus (40 orang), 69.6 peratus (32 orang) dan 52.2 peratus (24 orang). Sebelas (11) orang responden (23.9 peratus) pula memilih cadangan kedua dan 10 orang responden (21.7 peratus) memilih cadangan yang terakhir.

Cadangan pertama merujuk kepada penambahan waktu, kedua pengurangan sukatan ayat tilawah, ketiga mempertingkatkan komitmen guru dan pentadbir, keempat memberikan latihan dan kemahiran perlu bagi guru yang mengajar mata pelajaran ini, kelima penambahan kuota guru bagi sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini dan keenam memperuntukkan waktu dan guru yang khusus bagi pengajian membaca al-Quran kepada pelajar.

13. Persepsi guru terhadap pengajaran komponen ini kepada pelajar

Persepsi guru terhadap pengajaran komponen ini ditentukan dengan mendapatkan min skor bagi item-item yang dapat menjelaskan persepsi dan sikap mereka. Item-item yang terlibat dalam penentuan sikap atau persepsi ini ialah item var22, var24, var29, var31, var41, var42, var49, var50, var51, var52, var53, var54, var55, var56, var63, var66, var70, var72, var73, var76 dan var77 (21 item). Item-item ini merangkumi persepsi dan pendapat guru mengenai perancangan sukatan mata pelajaran ini, komitmen mereka, pencapaian pelajar, keutamaan pengajaran, penggunaan bahan bantu, aspek rekod dan penilaian dan rasa tanggungjawab.

Item-item ini diukur berdasarkan Skala Likert Lima Poin dan markah diberikan berdasarkan skala tersebut. Min skor yang rendah menggambarkan persepsi yang negatif atau rendah, manakala skor yang tinggi menggambarkan keadaan sebaliknya. Skor setiap item atau pembolehubah dalam kumpulan ini yang ditentukan ialah antara 1 hingga 5. Skor maksimum bagi kumpulan item ini ialah 105 dan skor minimumnya ialah 21.

Hasil pengiraan menggunakan program SPSS versi 11.0, menunjukkan bahawa min skor bagi item-item yang menggambarkan persepsi guru terhadap pengajaran tilawah al-Quran ialah pada nilai 54.3, dengan nilai terkerapnya (mod skor) pada nilai 45.0. Analisa persentil bagi skor-skor ini turut mendedahkan sebanyak 75 peratus responden mendapat skor 60.5 dan ke bawah. Jadual berikut menjelaskan dapatan yang telah diperolehi.

Perincian skor	Skor
Skor maksimum responden	4830.0 @ 105.0 untuk setiap responden
Skor diperolehi	2499.0
Min Skor	54.3
Mod skor	45.0
Persentil skor	25 peratus 47.8 50 peratus 52.5 75 peratus 60.5

Jadual 4: Skor Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Tilawah al-Quran

C. Penjelasan Data

Bagi menjelaskan perhubungan dan perbezaan yang wujud dan bagi menentukan sama ada perhubungan dan perbezaan yang wujud adalah signifikan ataupun tidak, data akan diuji dengan menggunakan Ujian Sampel Bebas Khi Kuasa Dua. Ujian Bebas ‘T’ juga akan digunakan bagi membuat perbandingan antara min pembolehubah-pembolehubah yang dikaji.

Perbandingan yang akan dilakukan adalah antara pembolehubah tidak bersandar yang terpilih dan pembolehubah bersandar yang perlu bagi menjawab soalan-soalan kajian dan bagi melihat aspek-aspek yang difikirkan perlu dianalisa dalam kajian ini.

1. Perhubungan dan perbezaan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar terpilih

Perhubungan dan perbezaan yang akan dinilai dan diuji dalam kajian ini melibatkan pengujian bagi melihat perhubungan dan perbezaan antara pembolehubah bersandar kajian dan beberapa pembolehubah tidak bersandar yang dikaji. Ia akan melihat sama ada wujud perhubungan dan perbezaan antara pembolehubah-pembolehubah berikut ;

- i. faktor jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS dengan peruntukan waktu bagi pengajaran tilawah al-Quran;
- ii. faktor jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS dengan persepsi guru terhadap pengajaran komponen tilawah al-Quran;

Bagi menilai dan mengukur sejauhmanakah wujudnya perhubungan dan perbezaan ini, Ujian Sampel Bebas Khi Kuasa Dua akan digunakan. Nilai Cramer's 'V' yang didapati daripada ujian yang dijalankan pula akan menggambarkan nilai varians yang dapat dijelaskan melalui perhubungan yang wujud antara kedua pembolehubah tersebut.

D. Menjawab Soalan-soalan Kajian

1. Sejauh manakah guru memperuntukkan sebahagian masa daripada 160 minit yang diuntukkan untuk mata pelajaran PQS bagi mengajar kemahiran membaca al-Qur'an kepada pelajar?

Data yang diperolehi hasil daripada soal selidik yang dijalankan, mendapati bahawa majoriti guru (71.7 peratus atau 33 orang responden) telah memperuntukkan masa bagi mengajar komponen ini kepada pelajar dalam waktu pengajaran rasmi mata pelajaran ini. Walaupun demikian, peratusan guru yang tidak mengajar komponen ini kepada pelajar juga tidak boleh diketepikan begitu sahaja (28.3 peratus atau 13 orang) kerana ia mewakili hampir 1/3 daripada populasi guru mata pelajaran ini di seluruh sekolah menengah kelolaan JAIS.

Hasil yang diperolehi daripada soal selidik juga mendapati bahawa majoriti guru (16 orang atau 34.8 peratus) yang memperuntukkan masa bagi pengajaran ini kepada pelajar mereka, telah memperuntukkan sebanyak satu masa bagi setiap minggu pengajaran, 15.2 peratus responden atau 7 orang memperuntukkan satu waktu bagi setiap dua minggu, 13.0 peratus atau 6 orang pula hanya memperuntukannya jika mereka menyentuh tajuk ayat kefahaman dan baki responden sama ada tidak mempertukannya atau tidak pasti terhadap waktu yang telah diperuntukkan oleh mereka.

Huraian Sukatan Pengajaran PQS Tingkatan Empat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia telah

mencadangkan agar tilawah al-Quran dijalankan berselang minggu dengan tajuk-tajuk dalam ayat kefahaman. Ini bermakna, ia dicadangkan untuk dijalankan sekali dalam masa dua minggu dan dua masa hendaklah diperuntukkan kepadanya pada minggu ia dilaksakan (JAPIM, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Oleh kerana sekolah-sekolah menengah agama kelolaan JAIS mempunyai taburan dan agihan masa yang agak berbeza dengan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (Bahagian Pendidikan Islam, JAIS), ini bermakna majoriti guru yang memperuntukkan masa bagi mengajar kemahiran ini mengatakan bahawa masa yang diperuntukkan oleh mereka adalah sebanyak 30 minit bagi setiap minggu atau 60 minit untuk dua minggu.

Oleh kerana terdapat pelbagai variasi dalam peruntukan waktu bagi mata pelajaran ini, peratusan waktu sebenar yang diberikan bagi pengajaran komponen ini tidak dapat dijelaskan dengan tepat. Jadual berikut cuba untuk memberikan gambaran peratusan guru yang memperuntukkan masa bagi pengajaran tilawah dengan mengambil kira jumlah masa yang diperuntukkan oleh mereka.

Bilangan Waktu Diperuntukkan	Peratusan Guru
1 waktu seminggu	34.8
1 waktu setiap dua minggu	15.2
Lebih 1 waktu seminggu	4.3
Topik ayat kefahaman	13.0
Tidak pasti	6.5
Tidak memperuntukkan waktu	23.9
Jumlah	93.5

Jadual 5: Peruntukan Waktu Oleh Guru

2. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan oleh guru untuk mengajar kemahiran ini dalam masa yang telah ditentukan? Antara kaedah-kaedah tersebut, kaedah apakah yang paling kerap digunakan?

Berdasarkan pengalaman dan tinjauan pengkaji terhadap kaedah-kaedah pengajaran al-Qur'an, terdapat empat kaedah yang sering digunakan dalam mengajar kemahiran ini di dalam kelas; kaedah guru memberikan bacaan contoh, kaedah guru meminta pelajar untuk membaca secara beramai-ramai, kaedah guru menggunakan contoh bacaan beberapa orang murid dan kaedah perbincangkan hukum tajwid.

Berdasarkan data daripada soalan kajian, didapati bahawa kaedah yang ketiga dan keempat telah mendapat skor tertinggi dengan masing-masing mendapat 63.0 dan 60.9 peratus.

Kaedah-kaedah Yang Diguna	Peratus Kekerapan (<i>f</i>)
Contoh bacaan oleh guru	41.3
Pelajar membaca beramai-ramai	26.1
Menggunakan contoh bacaan murid	63.0
Membincang hukum tajwid	60.9
Lain-lain	4.3

Jadual 6: Peratus Kekerapan Kaedah-Kaedah Yang Digunakan Dalam Pengajaran Tilawah al-Quran Kepada Pelajar

Bagi item yang meminta pelajar untuk memilih kaedah manakah yang paling kerap digunakan oleh guru mereka di dalam kelas, kaedah ini (kaedah ketiga) masih

mengatasi kaedah-kaedah lain dengan 32.6 peratus berbanding kaedah pertama dengan 17.4 peratus dan kaedah keempat dengan 15.2 peratus.

Kaedah Paling Kerap Diguna	Peratus Kekerapan (f)
Contoh bacaan oleh guru	17.4
Pelajar membaca beramai-ramai	4.3
Menggunakan contoh bacaan murid	32.6
Membincang hukum tajwid	15.2
Lain-lain	2.2

Jadual 7: Peratusan Kaedah Yang Paling Kerap Digunakan Dalam Pengajaran

3. Apakah persepsi guru terhadap pengajaran kemahiran ini kepada peningkatan kemahiran pelajar membaca al-Qur'an?

Bagi menjawab soalan ini, skor pembolehubah bersandar responden dibahagikan kepada dua kategori. Kategori pertama memberi nilai persepsi umum guru berhubung pengajaran komponen ini, manakala kategori kedua pula memberi nilai persepsi guru terhadap peningkatan pelajar hasil pengajaran mereka di dalam kelas dalam waktu rasmi mata pelajaran ini. Min skor kedua-dua kumpulan atau kategori ini akan dicari dan dibandingkan menggunakan Ujian Sampel Berkembar 'T' (paired sampel 't' test) bagi melihat perbezaan antara keduanya. Hipotesis nol yang ditentukan bagi ujian ini ialah tidak terdapat sebarang perbezaan antara min skor kedua-dua kategori persepsi ini.

Darjah persepsi bagi kedua-dua kumpulan skor ini diukur berdasarkan Skala Likert Lima Poin dan markah diberikan berdasarkan skala tersebut. Skor min yang

rendah menggambarkan persepsi yang negatif atau rendah, manakala skor yang tinggi menggambarkan keadaan sebaliknya. Dapatkan hasil pengiraan menggunakan program SPSS versi 11.0 adalah sebagaimana jadual berikut.

Kumpulan Skor Min	Skor Maksimum	Skor Minimum	Min Skor	Mod Skor	Skor pada Persentil 50 peratus
Persepsi guru terhadap pengajaran komponen ini	105	21	54.3	45.0	52.5
Persepsi guru terhadap peningkatan kemahiran pelajar	45	9	27.4	26.0	27.0

Paired Sample Corr. = 0.785; $p = .000$; Paired Difference $p = .000$; SD = 5.29666; $df = 45$

Jadual 8: Perbandingan Skor Persepsi Guru Terhadap Pengajaran Tilawah dan Peningkatan Kemahiran Pelajar

Hasil pengiraan menunjukkan darjah prestasi kedua-dua min kumpulan skor berada pada nilai antara 54.3 dan 27.4 dan kedua-duanya adalah lebih tinggi daripada nilai skor mod yang dicatatkan. Perhubungan antara kedua min skor berada pada tahap yang sederhana kuat dengan nilai .0785 dan perhubungan yang berlaku adalah secara signifikan. Perbezaan yang wujud antara kedua skor min juga berlaku secara signifikan dan dengan nilai serakan yang tinggi pada 5.2966.

Melalui dapatkan hasil ujian tersebut, dapat dinyatakan bahawa nilai persepsi kedua-dua kategori skor adalah lebih tinggi berbanding dengan mod bagi skoruanya. Separuh (50 peratus) daripada keseluruhan responden juga mencatat skor yang lebih tinggi atau hampir sama dengan skor purata (min skor) bagi kumpulan masing-masing.

4. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara peruntukan waktu dan pembolehubah-pembolehubah berikut; jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajar PQS?

Perhubungan yang akan dikaji dalam kajian ini adalah perhubungan antara pembolehubah bersandar dengan pembolehubah tidak bersandar yang terpilih.

Perhubungan-perhubungan yang akan dikaji adalah sebagaimana berikut ;

- i. faktor jantina dengan peruntukan waktu bagi pengajaran tilawah al-Quran;
- ii. faktor kelulusan ikhtisas dengan peruntukan waktu bagi pengajaran tilawah al-Quran;
- iii. faktor pengalaman mengajar PQS dan peruntukan waktu bagi pengajaran tilawah al-Quran.

Oleh kerana ia melibatkan pengujian perhubungan data yang tidak parametrik (non-parametric data), maka ujian Sampel Bebas Khi Kuasa Dua (χ^2) akan digunakan dengan menggunakan arahan ‘jadual persilangan’ (*crosstabulation*) yang terdapat di dalam program SPSS versi 11.0. Nilai Cramers ‘v’ pula akan digunakan bagi menerangkan peratusan varians yang boleh dijelaskan melalui perhubungan atau perbezaan itu.

4.1 Perhubungan antara jantina dengan peruntukan waktu bagi komponen ini

Perhubungan yang diuji menggunakan Ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa perhubungan antara kedua-dua pembolehubah ini adalah sangat lemah dengan

nilai Pearson ‘r’ pada 0.128 dan dalam keadaan yang tidak signifikan (nilai $p = 0.398$).

Nilai Cramer’s ‘v’ yang diperolehi ialah 0.128 pula menunjukkan bahawa jumlah varians yang tidak dapat dijelaskan melalui perhubungan ini adalah sebanyak 98.4 peratus.

Dapatan-dapatan ini disimpulkan melalui jadual berikut ;

Jantina	Peruntukan Waktu		Jumlah
	Ada	Tiada	
Lelaki	12	3	15
Perempuan	21	10	31
Jumlah	33	13	46

Pearson ‘r’ = 0.128 pada $p = 0.398$; Cramer’s V = .128

Jadual 9: Perhubungan Antara Jantina Guru Dan Peruntukan Waktu

4.2 Perhubungan antara kelulusan ikhtisas guru dan peruntukan waktu

Bagi memudahkan pengiraan dan interpretasi data hasilan, kelulusan ikhtisas guru telah dibahagikan kepada 2 kategori; ada dan tiada. ‘Ada kelulusan’ merujuk kepada guru-guru yang telah menjalani latihan ikhtisas perguruan dan memperolehi diploma atau sijil perguruan mereka. ‘Tiada kelulusan’ pula merujuk kepada guru-guru yang tidak mempunyai sebarang latihan, diploma atau sijil perguruan atau yang sedang mengikuti program KDC (kursus dalam cuti) tetapi belum menamatkan program mereka.

Dapatan hasil ujian yang digunakan menunjukkan bahawa hampir tiada perhubungan antara kedua-dua pembolehubah ini adalah dengan nilai Pearson ‘r’ dicatatkan pada -0.150. Perhubungan yang wujud juga adalah tidak signifikan dengan nilai p bagi ‘r’ adalah pada .330, lebih besar daripada nilai kritikalnya ditentukan pada $\alpha = 0.05$.

Nilai Cramer's 'v' yang diperolehi pada nilai 0.150 pula menunjukkan bahawa jumlah varian yang tidak dapat dijelaskan melalui perhubungan ini adalah sebanyak 97.8 peratus. Jadual berikut menjelaskan dapatan-dapatan berkenaan.

Kelulusan Ikhtisas	Peruntukan Waktu		Jumlah
	Ada	Tiada	
Ada	19	10	29
Tiada	12	3	15
Jumlah	31	13	44

Pearson 'r' = -.150 pada $p = 0.330$; Cramer's V = 0.150;

Jadual 10: Perhubungan Antara Kelulusan Ikhtisas Dan Peruntukan Waktu

4.3 Perhubungan antara pengalaman mengajar mata pelajaran PQS dan peruntukan waktu

Pengalaman mengajar mata pelajaran ini turut dikategorikan semula kepada 2 kumpulan; cukup dan kurang. 'Cukup pengalaman' merujuk kepada guru-guru yang telah mengajar PQS untuk tempoh lebih daripada 3 tahun. 'Kurang pengalaman' pula merujuk kepada guru-guru yang mengajar dalam tempoh kurang daripada 3 tahun bagi mata pelajaran ini.

Ujian yang telah dijalankan mendapati bahawa hubungan antara kedua pembolehubah ini adalah tidak signifikan dengan nilai p dapatan yang lebih besar (0.893) daripada nilai ditentukan pada $\alpha = 0.05$. Nilai Cramer's V pada 0.020 pula memberi erti bahawa kurang daripada 0.05 peratus varian boleh dijelaskan melalui perhubungan ini. Jadual berikut menjelaskan dapatan yang dilaporkan.

Pengalaman mengajar PQS	Peruntukan Waktu		Jumlah
	Ada	Tiada	
Cukup	13	5	18
Kurang	19	8	27
Jumlah	32	13	45

$$\chi^2 = 0.018 ; p = 0.893 ; df = 1; \quad \text{Cramer's V} = 0.020$$

Jadual 11: Perhubungan Antara Pengalaman Mengajar PQS Dan Peruntukan Waktu

5. Apakah kekangan-kekangan yang wujud dalam perlaksanaan pengajaran komponen ini, seandainya ada dan apakah cadangan-cadangan bagi memperbaikinya menurut perspektif guru?

Bagi menjawab soalan kajian ini, data diperolehi daripada dua cara; borang soal selidik dan sesi temuramah yang telah dijalankan ke atas beberapa orang guru yang terpilih. Dalam borang soal selidik yang diedarkan, item 20 akan menjelaskan kekangan-kekangan yang wujud dan item 78 akan menjelaskan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh guru bagi memperbaiki pengajaran komponen ini.

Daripada borang soal selidik yang diedarkan, data yang diperolehi mendapati bahawa wujudnya waktu khusus untuk pengajaran al-Quran dalam jadual rasmi persekolah menjadi sebab yang paling banyak dipilih yang menyebabkan pengajaran komponen ini tidak dilaksanakan di dalam kelas dengan 30.4 peratus (14 orang) daripada keseluruhan responden. Faktor tumpuan untuk menyelesaikan sukatan pula mendapat peratusan kedua tertinggi dengan 17.4 peratus (8 orang). Daripada sejumlah responden

seramai 46 orang, terdapat 5 orang responden (10.9 peratus) yang menganggap bahawa pengajaran komponen ini tidak termasuk dalam objektif mata pelajaran dan tidak disebut dalam rancangan tahunan pengajaran mereka.

Hasil temubual dengan 10 orang responden terpilih mendapati 90 peratus responden memilih faktor masa yang terhad dan sukatan yang terlalu banyak menjadi penyebab pengajaran komponen ini tidak dilaksanakan atau ditekankan dalam pengajaran mereka. Selain itu, faktor bahawa telah terdapat kelas khas al-Quran dalam jadual waktu dan faktor pelajar telah mahir membaca al-Quran turut menjadi alasan yang diberikan oleh mereka.

Bagi menjawab soalan kajian berkenaan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan bagi memperbaiki pengajaran komponen ini menurut perspektif guru, item 78 telah dimasukkan dalam borang soal selidik yang diedarkan. Daripada enam pilihan cadangan yang diberi kepada responden, empat cadangan telah mendapat nilai peratusan tertinggi, iaitu; memperuntukkan waktu yang lebih bagi mata pelajaran ini (91.3 peratus), memberi latihan perlu kepada guru-guru berkenaan cara-cara pengajaran tilawah (87.0 peratus), mempertingkatkan komitmen guru dan pentadbir sekolah (69.6 peratus) dan menambah kuota guru bagi sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini (52.2 peratus). Cadangan bagi mengurangkan sukatan tilawah dan mewujudkan guru dan kelas khas bagi mengajar komponen ini telah mendapat peratusan yang paling rendah dengan masing-masing mendapat 23.9 dan 21.7 peratus.(Rujuk jadual di bawah)

Cadangan-cadangan Penambahbaikan	Kekerapan (f)	Peratusan
Memperuntukkan waktu yang lebih	42	91.3
Mengurangkan sukatan tilawah	11	23.9
Memperingkat komitmen	32	69.6
Memberi latihan perlu kepada guru	40	87.0
Menambah kuota guru	24	52.2
Mengadakan kelas dan guru khas	10	21.7
Jumlah	159	

Jadual 12: Peratusan Cadangan Oleh Guru

E. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, data yang telah dikutip dan dianalisa memberikan gambaran awal bahawa majoriti guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini sememangnya ada mengajar pelajar-pelajar mereka untuk membaca al-Quran, sekurang-kurangnya sewaktu mereka membincangkan tajuk-tajuk berkenaan kefahaman ayat yang termasuk di dalam sukatan.

Walaupun demikian, tidak terdapat sebarang perhubungan yang signifikan ditunjukkan antara peruntukan waktu dan pembolehubah-pemboleh ubah yang terpilih, iaitu jantina, kelulusan ikhtisas dan pengalaman mengajat mata pelajaran PQS.

Dapatan juga menunjukkan terdapatnya sebilangan guru yang secara sedar tidak memasukkan pengajaran komponan ini dalam perancangan tahunan pengajaran mereka,

malah sehingga ke tahap menafikannya sebagai salah satu objektif mata pelajaran ini.

Fenomena ini merupakan satu perkara yang harus ditangani dengan segera.

Segala dapatan hasil daripada analisa dan ujian yang telah dijalankan serta rumusan-rumusan akan dibincangkan dalam bab seterusnya dalam kajian ini, insya Allah.